# KISAH KEJAYAAN
# PI1M KG LONEK SUKU KE - 1/2016
# (JANUARI - MAC)

| ITEM<br>JENIS | INFORMATION<br>MAKLUMAT |
|---|---|
| **Name of PI1M**<br>**Nama PI1M** | PI1M KG LONEK |
| **Location**<br>**Lokasi** | *Bangunan Dato' Haji Khalid Yunus*<br>*Kg Masjid Lonek*<br>*72200 Batu Kikir, Negeri Sembilan.* |
| **Name of person(s)**<br>**Nama** | *SITI NORHAWA BINTI ANUAR* |
| **Details of person (s)**<br>**Butiran diri** | *Umur* : 32 tahun<br>*Jantina* : Perempuan<br>*Taraf pendidikan* : Sijil<br>*Pekerjaan* : Usahawan Cake & Pastry |
| **Success story**<br>**Kisah kejayaan** | *Pn.Siti Norhawa merupakan suri rumah sepenuh masa dan mempunyai 3 orang anak. Beliau sangat suka membuat kek dan kuih muih.*<br><br>*Pada awalnya, Pn. Siti Norhawa hanya membuat kek dan kuih raya untuk kegunaan sendiri sahaja dan mengambil tempahan daripada rakan-rakan yang rapat sahaja. Namun begitu, atas desakan daripada keluarga dan rakan-rakan beliau mula mengembangkan empayar perniagaan secara kecil-kecilan. Beliau mula membuat pengiklanan dan menyebarkan gambar-gambar kek dan kuih yang dibuatnya kepada teman-teman melalui pelbagai kaedah seperti whatsapp, facebook dan telegram.*<br><br>*Pn. Siti Norhawa mendapatkan khidmat nasihat daripada Pusat Internet 1 Malaysia Kg Lonek untuk membina rangkaian ahlinya melalui Facebook. Beliau mula membuat beberapa 'Closed Group Cake' di FB dan whatsapp untuk peserta PJJ yang belajar ilmu membuat kek bersama beliau.*<br><br>*Kini, beliau juga sering dipanggil oleh Mini RTC Serting Ilir untuk mengajar beberapa jenis kek seperti Kek Indulgence & Kek Red Velvet dan lain-lain.* |

| ITEM<br>JENIS | INFORMATION<br>MAKLUMAT |
|---|---|
| **Keterangan gambar<br>Photo caption** | <br>Peserta sedang belajar membuat Page FB<br><br>Membuat modul dan kertas kerja |

<table>
<tr><th>ITEM<br>JENIS</th><th>INFORMATION<br>MAKLUMAT</th></tr>
<tr><td></td><td>



***Facebook beliau:*** **Mummy Qatrun Mamydaddy**
</td></tr>
<tr><td>Photo caption names<br>Keterangan gambar berserta nama</td><td>


Pn. Siti Norhawa binti Anuar
</td></tr>
</table>

| ITEM<br>JENIS | INFORMATION<br>MAKLUMAT |
|---|---|
| **Feedback**<br>**Maklumbalas** | 1. *What was your first impression towards PI1M?*<br>*Apakah pandangan pertama anda terhadap PI1M?*<br><br>*Pada pandangan pertama saya, PI1M seolah pusat cyber café yang hanya memberi perkhidmatan internet sahaja.*<br><br>2. *What attracted you to come and use the facilities in PI1M?*<br>*Apakah tarikan utama anda untuk datang dan menggunakan kemudahan di PI1M?*<br><br>*Tarikan utama yang terdapat di PI1M ini ialah kemudahan dan pembelajaran yang percuma serta maklumat mengenai ICT yang mudah didapati .*<br><br>3. *How can PI1M help others to be successful?*<br>*Bagaimanakah cara PI1M dapat membantu bagi mencapai kejayaan individu/kumpulan lain?*<br><br>*Melalui aktiviti yang dilakukan oleh PI1M ini seperti kelas mengenai komputer, ICT, keselamatan siber dan sebagainya dapat membantu pelbagai golongan menjadikan internet sebagai batu loncatan kepada kejayaan masing-masing.*<br><br>4. *Can you suggest improvement to be made to PI1M? (facilities, training activities, promotions, etc)*<br>*Berikan cadangan dan pandangan bagi menambahbaik PI1M? (kemudahan, aktiviti latihan / kursus, promosi dan lain-lain.*<br><br>*PI1M mengadakan latihan berasaskan keusahawan dan kemahiran tidak tertumpu hanya kepada latihan ICT sahaja.* |